



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 26 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	PROGRAM BA100 MAMPU TURUN HARGA BARANG, ISU, BERITA HARIAN -4 PROGRAM QFISH BANTU STABILKAN HARGA IKAN, SETEMPAT, HARIAN METRO -22 TELITI PELALSANAAN PROGRAM BA100, CETUSAN, SIHAR HARIAN -18 BA100 PLAN MOOTED TO HELP LOWER COST OF LIVING, NATION, STAR -14 PUTRAJAYA SALUR RM44 JUTA, BANTU PESAWAH SABAH SARAWAK, NEGERI, Keadilan -24 PROGRAM QFISH KE SELURUH NEGARA -TPM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -45 BA100 INITIATIVE TO REDUCE PRICES OF GOODS, ROLE OF MIDDLEMAN, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -3 STUDY 100 BASIC ITEM PLANS TO REDUCE BURDEN, SEE HUA SUPPLEMENT, SEE HUA DAILY NEWS (KUCHING) -2 100 BASIC GOODS PROGRAMME TO CURB PRICES, MIDDLEMEN'S ROLE, HOME BUSINESS, THE EDGE FINANCIAL DAILY -11 PROGRAM BARANG ASAS 100 DITELITI, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 DIMENSI BARU PERTANIAN UNTUK ANAK MUDA -SIM, WAWANCARA, Keadilan -8 DIMENSI BARU PERTANIAN UNTUK ANAK MUDA -SIM, WAWANCARA, Keadilan -9 PERTANIAN MALAM BUKAN IDEA 'GILA', WAWANCARA, Keadilan -9 ELAK DITINDAS ORANG TENGAH, WAWANCARA, Keadilan -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
15. 16.	CADANGAN PM TINGKAT PENDAPATAN PETANI BAIK, TAPI.., UTAMA, Keadilan -10 FAMA TUBUH UNIT HALAL BANTU USAHAWAN, SINAR ISLAM, SINAR HARIAN -39	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
17.	'MALAYSIA FREE FROM AFRICAN SWINE FEVER', LOCAL NEWS, NEW STRAITS TIMES -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
18. 19. 20.	AFIF: REDUCTION VOLUME OF FISH CATCH NOT ENTIRELY CAUSE BY SEA RECLAMATION PROJECT, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4 OVER-FISHING, POLLUTION CONTRIBUTING TO MARINE RESOURCE DEPLETION, NEWS, THE SUN -6 TARIK NELAYAN MILIKI KEMAHIRAN SKUBA, SABAK BERNAM, SINAR HARIAN -34	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
21.	BOIKOT DURIAN TIMBANG UNTUK AJAR PENJUAL LICK, SUARA SINAR, SIHAR HARIAN -16	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	BERITA HARIAN	ISU	4

Program BA100 mampu turunkan harga barang

➔ MTSHN teliti inisiatif kurang peranan orang tengah

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) akan meneliti pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100) yang dijangka boleh mengurangkan harga barangan dan peranan orang tengah serta mengeluarkan sendiri barangan keperluan asas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang mempengerusikan MTSHN, berkata pelaksanaan BA100 membabitkan Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) dalam usaha kerajaan menangani kos sara hidup.

Katanya, koperasi yang mempunyai seramai 6.1 juta ahli setakat 30 Jun 2018, dapat memainkan peranan penting untuk membantu kerajaan menangani kos sara hidup melalui program pembangunan pemborongan, peruncitan dan pertanian.

"Melalui pemborongan dan



Dr Wan Azizah mempengerusikan mesyuarat ketiga MTSHN di Putrajaya, semalam.

peruncitan, ia membabitkan pengukuhan dan pementapan pusat pengedaran koperasi. Peruncitan membabitkan pembangunan produk koperasi. Pertanian pula membabitkan penternakan, perikanan, sayur dan buah dan input pertanian," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat ketiga MTSHN di sini, semalam. Yang turut hadir Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Sementara itu, Saifuddin Nasution menjelaskan BA100 adalah 100 barang asas termasuk

tepung, gula, beras serta barangan yang biasa dibeli orang ramai hasil pemerhatian yang dibuat pihak koperasi.

Kembangkan program QFish ke seluruh negara

"Ideanya adalah jika mereka boleh senaraikan 100 barang asas ini dan menguasai ekosistem yang meliputi pemborongan, pengedaran dan peruncitan dan mempunyai kedai, maka 100 barang ini dapat dijual di kedai mereka dengan harga yang lebih rendah," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata MTSHN juga bersejua untuk mengembangkan program QFish ke seluruh negara dengan mengguna pakai teknologi pembekuan ikan secara *Individual Quick Freezing* da-

lam membantu kerajaan menstabilkan harga ikan di pasaran.

"Program QFish ini menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran kapasiti ikan daripada 561 tan (MT) kepada 3,500 MT setahun," katanya, sambil menambah usaha itu juga adalah untuk mengekang masalah kekurangan ikan di pasaran.

Dr Wan Azizah turut mengumumkan pelantikan lima anggota baharu MTSHN iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darrel Leiking; Peguam Negara, Tommy Thomas; Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC), Surina Shukri dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Jufitri Joha.

(FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	22



DR Wan Azizah pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.

Program QFish bantu stabilkan harga ikan

Putrajaya: Program ikan sejuk beku atau QFish akan dilaksanakan di seluruh negara bagi membantu menstabilkan harga ikan dan mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup pengguna.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL) yang dipengeruskannya semalam bersetuju menerima cadangan penambahbaikan bagi mengembangkan program QFish.

“Program ini menggunakan teknologi pembekuan ikan secara individu bagi menjalin kualiti dan kesegaran ikan. Harga jualan adalah sekitar RM10 sekilogram bagi ikan kembung, selar, pelaling dan selayang.

“Program QFish menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran kapasiti ikan daripada 561 tan metrik kepada 3,500 tan metrik setahun.

“Ini adalah sistem yang boleh dijayakan untuk menstabilkan harga ikan dan pe-

ngurangan kos kepada pengguna, bila ikan berkurangan ketika musim monsun, ikan QFish ini masin boleh didapati di pasaran,” katanya.

Selain itu Wan Azizah berkata, NACCOL juga bersetuju dengan cadangan Kementerian Pengangkutan supaya Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) menguatkuasakan pelesenan terminal pengangkutan awam darat dan mengawal ~~setia~~ ~~caj~~ yang dikenakan oleh pengendali terminal berdasarkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan terminal.

Beliau berkata, pelaksanaan cadangan ini juga perlu mengambil kira kepentingan pengguna supaya mereka tidak dibebankan.

Katanya, NACCOL juga turut menerima cadangan Kementerian Pengangkutan untuk menyemak semula kadar tambang Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) melalui pemansuhan tambang dan pelaksanaan struktur tambang dinamik bagi ETS.

Teliti pelaksanaan program BA100

**Untuk
kurangkan
harga barangan
dan peranan
orang tengah**

PUTRAJAYA

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) akan meneliti pelaksanaan inisiatif program Barang Asas 100 (BA100) yang dijangka boleh mengurangkan harga barangan, mengurangkan peranan orang tengah dan mengeluarkan sendiri barangan keperluan asas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang mempengerusikan MTSHN itu berkata, pelaksanaan BA100 akan melibatkan Kementerian Pembangunan Usahawan

(MED), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) dalam usaha kerajaan menangani kos sara hidup.

Menurutnya, koperasi yang mempunyai keanggotaan seramai 6.1 juta orang setakat 30 Jun 2018 dapat memainkan peranan penting bagi membantu kerajaan menangani kos sara hidup melalui program pembangunan pemborongan, peruncitan dan pertanian.

"Melalui pemborongan dan peruncitan, ia melibatkan pengukuhan serta pemantapan pusat pengedaran koperasi.

"Peruncitan melibatkan pembangunan produk koperasi dan pertanian pula melibatkan penternakan, perikanan, sayur serta buah dan input pertanian," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan



Wan Azizah (kanan) dan Saifuddin pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya semalam.

mesyuarat ketiga MTSHN di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan Hal Ehwal Pengusaha, Da-

tuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Sementara itu, Saifuddin berkata, BA100 ialah 100 barang asas termasuk tepung, gula, beras dan barangan yang biasa dibeli orang ramai hasil pemerhatian yang dibuat pihak koperasi.

"Ideanya ialah jika mereka boleh senaraikan 100 barang asas ini dan mengulas ekosistem yang melibatkan pemborongan, pengedaran dan peruncitan serta mempunyai kedai, maka 100 barang ini dapat dijual di kedai mereka dengan harga yang lebih rendah," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata, MTSHN juga bersetuju untuk membangunkan program QFish ke seluruh negara dengan menggunakan teknologi pembekuan ikan secara individual Quick Freezing dalam membantu kerajaan menstabilkan har-

ga ikan di pasaran. "Program QFish ini menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran kapستي ikan daripada 561 metrik ton (MT) kepada 3,500 MT setahun.

"Usaha ini juga bagi mengesahkan masalah kekurangan ikan di pasaran," katanya.

Wan Azizah turut mengumumkan pelantikan lima anggota baharu MTSHN iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darrel Leiking; Peguam Negara, Tommy Thomas; Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC), Surina Shukri dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Jufri-ti Joba. - *Bernama*

BA100 plan mooted to help lower cost of living

Plan will control prices and raise output of basic goods



Helping hands: Dr Wan Azizah (centre) chairing the BA100 meeting at Bangunan Perdana in Putrajaya. — Bernama

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: A large-scale initiative to reduce the prices of goods and the role of middlemen, as well as to boost the production of basic goods, is to be implemented soon.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail said the initiative, called the 100 Basic Goods Programme (BA100), will be handled by the National Cost of Living Action Council (MTSHN).

It is part of the government's efforts to check the cost of living, said Dr Wan Azizah, who chairs MTSHN.

The implementation of BA100 will involve the Entrepreneur Development Ministry, Agriculture and Agro-based Industry Ministry and Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa).

Dr Wan Azizah said the cooperative movement with 6.1 million members could play an important role in helping the government tackle the cost of living through the develop-

ment of wholesale, retail and agricultural programmes.

"Wholesale and retail involve strengthening the cooperative distribution centre. Retail involves development of cooperative products.

"Agriculture involves livestock, fisheries, vegetables and fruits," she told a media conference after chairing the third MTSHN meeting here yesterday.

Among those present were Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and Entrepreneur Development Minister Datuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Saifuddin said BA100 comprises 100 basic goods like flour, sugar, rice and other items normally purchased by the public, based on the observation of the cooperative.

"The idea is that if they can list these 100 basic goods and control the ecosystem involving wholesale, distribution and retail and have shops,

then the 100 items can be sold in their shops at lower prices," he said.

Meanwhile, Dr Wan Azizah said MTSHN had also agreed to expand the QFish programme nationwide by adopting the Individual Quick Freezing technology to help the government stabilise the prices of fish in the market.

"This QFish programme aims to increase the fish output capacity from 561 tonnes to 3,500 tonnes a year," she said, adding that the initiative would help overcome fish shortage in the market.

Dr Wan Azizah also announced the appointment of five new members of MTSHN — International Trade and Industry Minister Datuk Ignatius Darrel Leiking; Attorney-General Tommy Thomas and Jeli Member of Parliament Datuk Seri Mustapa Mohamed.

The others are Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) chief executive officer Surina Shukri and Malaysian Youth Council president Jufitri Joha.

Putrajaya salur RM44 juta, bantu pesawah Sabah Sarawak



PERUNTUKAN RM44 juta disalurkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Skim Subsidi Baja dan Rancangan Padi Bukit (SBRPB).

Menterinya, Salahuddin Ayub (gambar) berkata inisiatif itu bakal memberi manfaat kepada 56,446 pesawah padi bukit di Sabah dan Sarawak.

"Melalui inisiatif ini, pengeluaran padi bukit telah berjaya ditingkatkan daripada 1.0 metrik tan per hektar kepada 1.5 metrik tan hingga 2.5 metrik tan per



hektar.

"Ia sekali gus, mendapatkan pesawah-pesawah ini telah berjaya ditingkatkan dari RM180 sebulan

ke antara RM320 hingga RM700 sebulan," katanya dalam kenyataan.

Sebagai rekod, SPBRPB mula diperkenalkan sejak 2015 lalu.

Untuk 2019 kata Salahuddin, pengumuman bantuan berkenaan tidak disenaraikan dalam Pembentangan Belanjawan, sebelum ini.

"Kementerian akan terus berusaha agar peruntukan bagi SBRPB dapat diperumbang dan diberikan kepada pesawah bukit yang terlibat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	45

Program QFish ke seluruh negara - TPM

Oleh YULPISMAN ASLI
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 25 JUN

KERAJAAN bersetuju program ikan sejuk beku atau QFish dikembangkan ke seluruh negara bagi membantu menstabilkan harga ikan dan mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup pengguna.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil. 3/2019 di sini hari ini.

Beliau berkata, program itu menggunakan teknologi pembekuan ikan individu bagi menjamin kualiti dan kesegaran ikan.

"Program QFish meningkatkan pengeluaran kapasiti ikan daripada 561 tan metrik kepada 3,500 tan metrik setahun.

"Ini sistem yang boleh dijayakan untuk menstabilkan harga ikan dan pengurangan kos kepada pengguna, apabila ikan berkurangan ketika musim monsun, ikan QFish ini masih boleh didapati di pasaran," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat ber-



WAN AZIZAH WAN ISMAIL mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Bil. 3/2019 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

kenaan di sini hari ini.

Selain itu, Wan Azizah berkata, NACCOL juga bersetuju dengan cadangan Kementerian Pengangkutan supaya Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) menguatkuasakan pelesenan terminal pengangkutan awam darat dan mengawal selia caj yang dikenakan oleh pengendali terminal berdasarkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan terminal.

Beliau berkata, pelaksanaan cadangan itu juga perlu mengambil kira kepentingan pengguna supaya mereka tidak dibebankan.

Katanya, NACCOL menerima

cadangan Kementerian Pengangkutan menyemak tambang Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) melalui pelaksanaan struktur tambang dinamik.

Sementara itu, tambahnya, NACCOL menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Angkatan Koperasi Kebangsaan akan meneliti pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100) yang boleh mengurangkan harga barang, peranan orang tengah selain mengeluarkan sendiri barangan keperluan asas.

Headline	BA100 initiative to reduce prices of goods, role of middlemen		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	26 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	3	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	309 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,214
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,641



BA100 initiative to reduce prices of goods, role of middlemen

PUTRAJAYA: The National Cost of Living Action Council (MTSHN) will implement the 100 Basic Goods Programme (BA100) — an initiative aimed at reducing the prices of goods and the role of middlemen, and boosting the production of basic goods.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, who chairs MTSHN, said the implementation of BA100, which would involve the Entrepreneur Development Ministry, Agriculture and Agro-based Industry Ministry and Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), was part of government efforts to check the cost of living.

She said Angkasa, the national cooperative movement with 6.1 million members as at June 30, 2018, could play an important role in helping the government to tackle the cost of living issue through the development of wholesale, retail and agricultural programmes.

"Wholesale and retail involve strengthening the cooperative distribution centre.

"Retail involves development of cooperative products.

"Agriculture involves livestock, fisheries, vegetables and fruits, and agricultural inputs," she told a media conference after chairing the third MTSHN meeting here yesterday.

Among those present were Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and Entrepreneur Development Minister Datuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Saifuddin Nasution said BA100 comprised 100 basic goods like flour, sugar, rice and other items normally purchased by the public, based on the observation of the cooperative.

"The idea is that if they can list these 100 basic goods and control the ecosystem involving wholesale, distribution and retail and have shops, then the 100 items can be sold in their shops at lower prices," he said.

Meanwhile, Dr Wan Azizah said MTSHN had also agreed to expand the Qfish programme nationwide by adopting the Individual Quick Freezing technology to help the government stabilise the prices of fish in the market.

"This Qfish programme targets to increase the fish output capacity from 561 tonnes to 3,500 tonnes a year," she said, adding that this initiative would also help overcome the problem of fish shortage in the market.

Dr Wan Azizah also announced the appointment of five new members of MTSHN — International Trade and Industry Minister Datuk Ignatius Darrel Leiking, Attorney-General Tommy Thomas, Jeli MP Datuk Seri Mustapa Mohamed, Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) chief executive officer Surina Shukri and Malaysian Youth Council president Jufitri Joha. — Bernama

MACC: Ex-DPM Zahid to be charged today and tomorrow

PUTRAJAYA: Former deputy prime minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi will be charged in the Kuala Lumpur Sessions Court today and the Shah Alam Sessions court the following day, the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) said yesterday.



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

In a statement, MACC said it had obtained the green-light from the Attorney-General's Office to charge Ahmad Zahid.

It said Ahmad Zahid would be facing several charges in the two courts under Section 16(4)(B) of the MACC Act 2009 and Section 165 of the Penal Code.

The statement said Ahmad Zahid was arrested about 10am on Monday at the MACC headquarters after he turned up to complete the final investigation process against him on corruption involving the Overseas Visa System.

He was later released on an MACC bail. — Bernama

Headline	Study 100 basic item plans to reduce burden		
MediaTitle	See Hua Daily News (Kuching)		
Date	26 Jun 2019	Color	Full Color
Section	See Hua Supplement	Circulation	63,549
Page No	2	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,265
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,795



研究100項基本物品計劃減負擔

布城25日讯 | 国家生活成本行动理事会将研究落实100项基本物品计划，以降低物价、减少中间人及自行生产更多必需品。

副首相拿督斯里旺阿兹莎今天主持上述理事会会议后对记者说，上述计划将涉及企业家发展部、农业及农基工业部及马来西亚合作社组织（Angkasa），以应对生活成本问题。

她说，截至去年6月30日，我国合作社有670万人，因此在通过批发、零售和农业以协助政府应对生活成本课题方面，可以发挥重要作用。

「通过批发和零售有助于巩固合作社的运送中心。零售涉及合作社产品的发展。农业则涉及畜牧、渔业、蔬菜和水果种植。」

QFish计划扩展全国

出席会议者包括国内贸易及消费人事务部长拿督斯里赛夫丁、内政部长丹斯里慕尤丁及企业家发展部长拿督斯里礼端。

赛夫丁指出，100项基本物品包括面粉、白糖、白米，以及合作社观察后发现公众经常购买的物品。

「这项计划的概念是如果可以列出100项基本物品和掌握批发、运送和零售的生态系统，那麽合作社可以更低廉的价格出售

这些物品。」

另一方面，旺阿兹莎说，国家生活成本行动理事会也同意将QFish计划扩展至全国，这项使用各别急速冷冻技术的冷冻鱼计划，可协助政府稳定市场鱼价，以及解决鱼产短缺的问题。

「QFish计划放眼将现有每年561公吨的鱼生产量，提高至

3500公吨。」

旺阿兹莎也宣布委任5名国家生活成本行动理事会新成员，包括国际贸易及工业部长拿督雷军、总检察长汤米汤姆斯、日里国会议员拿督斯里慕斯塔法、大马数码经济机构总执行长苏丽娜和大马青年理事会主席祖菲曼。



旺阿兹莎（右）在主持国家生活成本行动理事会会议后，向媒体发表谈话。左为贸消部长赛夫丁。

Headline	100 Basic Goods Programme to curb prices, middlemen's role		
MediaTitle	The Edge Financial Daily		
Date	26 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Home Business	Circulation	4,562
Page No	11	Readership	13,686
Language	English	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,510
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,531



100 Basic Goods Programme to curb prices, middlemen's role

PUTRAJAYA: The National Cost of Living Action Council (Naccol) will implement the 100 Basic Goods Programme (BA100), an initiative which is aimed at reducing the prices of goods and the role of middlemen, and boosting the production of basic goods.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail said the implementation of BA100, which will involve the entrepreneur development ministry, agriculture and agro-based industry ministry and Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), is part of government efforts to check the rising cost of living.

She said Angkasa, the national cooperative movement with 6.1 million members as at June 30, 2018, could play an important role in helping the government tackle the cost of living issue through the development of wholesale, retail and agricultural programmes.

"Wholesale and retail involve strengthening the cooperative distribution centre. Retail involves development of cooperative products.



Wan Azizah says the move is part of the government's efforts to check the rising cost of living. **The Edge file photo**

Agriculture involves livestock, fisheries, vegetables and fruits, and agricultural inputs," she told a media conference after chairing the third Naccol meeting here yesterday.

Wan Azizah also announced that the electric train services fares will be revised through the abolition of fare control and the implementation of a more dynamic fare structure.

Among those present were Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and Entrepreneur Development Minister Datuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Saifuddin said BA100 comprises 100 basic goods like flour, sugar, rice and other items normally purchased by the public, based on the observation of the cooperative.

"The idea is that if they can list these 100 basic goods and control the ecosystem involving wholesale, distribution and retail and have shops, then the 100 items can be sold in their shops at lower prices," he said.

Wan Azizah also announced the appointment of five new members of Naccol — International Trade and Industry Minister Datuk Ignatius Darell Leiking, Attorney-General Tommy Thomas, Jeli member of parliament Datuk Seri Mustapa Mohamed, Malaysia Digital Economy Corp Sdn Bhd chief executive officer Surina Shukri and Malaysian Youth Council president Jufitri Joha. — *Bernama*

Headline	Program Barang Asas 100 diteliti		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	26 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Program Barang Asas 100 diteliti

SIDANG MEDIA: Wan Azizah ketika sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Bil. 3/2019 di Bangunan Perdana Putra dekat Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama
 PUTRAJAYA: Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) akan me...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Dimensi baru pertanian untuk anak muda — Sim

Q&A

PERTANIAN sering dianggap pekerjaan yang hanya dilakukan di kampung, oleh orang tua, dan mereka yang memiliki kelayakan akademik rendah. Stigma tidak benar ini cuba dibetulkan Timbalan Menteri Pertanian, Sim Tze Tzin sejak mula dilantik ke jawatan tersebut selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu. Menyifatkan pertanian sebagai bidang yang 'cool' dan mampu menjana pendapatan lumayan, Sim mengajak anak muda mencuburi bidang yang telah berkembang dengan teknologi moden ini. Ikuti wawancara Ahli Parlimen Bayan Baru dan Timbalan Ketua Penerangan KEADILAN ini dengan sub-editor Suara Keadilan, Haizir Othman bersama-sama jurufoto, Yulieriah Yusof di pejabat Suara Keadilan baru-baru ini.

SK: Pada 1970-an, pertanian sumbang hampir 30 peratus KDNK negara, tapi pada 2017 sumbang 8.2 peratus sahaja. Tidakkah kerajaan mahu mengangkat semula pertanian sebagai penyumbang utama KDNK?

Sim: Kerajaan masih meningkatkan pertanian untuk jadi penyumbang utama KDNK. Tapi kita perlu faham dalam konteks kemajuan sesebuah negara, seperti dulu di Korea, pertanian antara penyumbang utama, tapi apabila ada sektor industri, perkhidmatan dan sebagainya, pertanian semakin menurun dari segi sumbangan kepada KDNK. Hal ini turut berlaku kepada Jepun, Jerman, Taiwan dan Korea.

Walaupun setakat ini kita sumbang 8 peratus KDNK bersama-sama sektor kelapa sawit, namun nilainya besar - RM96 bilion pada 2017 berbanding KDNK negara berjumlah RM1 trilion. Maksudnya kita perlu tengok nilai, apabila meningkat setiap tahun, ertinya ia bagus.

Berbanding pada 2005, nilai tambah sektor pertanian adalah RM 45 bilion. Dalam tempoh sepuluh tahun, ia meningkat berlipat kali ganda.

SK: Apa kedudukan sektor pertanian dalam ranking keutamaan kerajaan sekarang?

Sim: Dalam fasa pembangunan pada 70-an, kita tumpu pertanian. Kemudian, sektor industri, dan perbankan internet. Walaupun zaman Pak Lah (perdana menteri kelima, Abdullah Badawi) ada sedikit minat kepada pertanian tapi ia tidak begitu aktif.

Sekarang, Tun Mahathir beri tumpuan kepada pertanian sebab ada potensi dengan teknologi moden yang dapat meningkatkan hasil selain



menjimatkan kos dan tenaga. Ia akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan import makanan dan kadar pertukaran mata wang asing.

Baru-baru ini Tun umumkan Langkawi sebagai Pusat Penanaman Palut dan Sayur-sayuran. Ini menunjukkan keseriusan beliau dalam pertanian yang dapat memanfaatkan penduduk setempat khususnya orang muda yang herminat mencuburi bidang ini.

30 Mei lalu kita dapat berita baik bagi pengusaha durian, sudah boleh eksport durian biji (seturuh buah) ke China. Ini satu kejayaan, bukan sahaja meningkatkan ekonomi negara malah pendapatan petani.

SK: Peruntukan kepada Kementerian Pertanian dalam Belanjawan 2019 hanya RM 4.417 bilion, berbanding RM 6.5 bilion dalam Bajet 2018. Adakah kerajaan mengurangkan



tumpuan kepada pertanian?

Sim: Ini tidak betul. Peruntukan kepada sektor pertanian sejajar dengan kekangan kewangan di mana ada ketirisan melibatkan hutang yang sangat serius di bawah pentadbiran Najib.

Ini menyebabkan Belanjawan 2019 ada kekangan, kerajaan terpaksa potong peruntukan bukan sahaja Kementerian Pertanian malah semua. Oleh itu, kita terpaksa potong beberapa perkara antaranya subsidi yang selama ini diberi kepada bukan nelayan. Mereka bukan nelayan, ada perupuan tapi dapat subsidi RM 300 setiap bulan. Kita bersihkan dengan buat pemutihan terhadap senarai penerima subsidi.

Contohnya pesawah padi yang dapat subsidi tapi tanah sudah dijual atau dibangunkan. Mereka bukan lagi petani, namun dalam rekod masih petani dan terima subsidi setiap bulan, ambil baja kemudian jual baja tersebut. Sebab itu kita buat pemutihan supaya hanya yang betul-betul layak dapat hak.

Peruntukan turun kerana kita buat pemutihan. Walaupun sekarang ada kekangan kerana peruntukan sedikit tapi saya yakin selepas keadaan kewangan negara pulih, subsidi atau bantuan kepada nelayan dan petani boleh dinaikkan semula.

Dulu nelayan terima RM 300 setiap bulan kini kita perlu potong RM 100, jadi RM200. Memang sedikit turun tapi apabila kewangan pulih ia akan meningkat semula kepada RM300, tiada isu.

SK: Cadangan menamatkan monopoli Bernas menjelang 2021 dengan

syarikat-syarikat baru baru. Tidakkah kerajaan bercadang ambil peranan Bernas dan menubuhkan Lembaga Padi Beras Negara seperti disarankan NGO Padi Rescue?

Sim: Menamatkan monopoli Bernas adalah satu agenda utama Pakatan Harapan. Kita tak setuju sebarang monopoli kerana kita tahu persaingan memanfaatkan rakyat.

Persaingan akan membantu meningkatkan keberkesanan. Sekarang kita dalam perancangan untuk menamatkan monopoli. Ini hanya akan berlaku pada 2021 selepas kontrak Bernas habis.

Kita akan wujudkan sistem telus melalui persaingan, mungkin tender terbuka. Sekarang dalam proses perundingan dari dalam dan luar negara, kaji semula sektor padi beras bermula dari atas hingga bawah kerana ia sangat rumit, melibatkan banyak peringkat dan 32 juta rakyat Malaysia makan nasi setiap hari. Kita tak mahu rosakkan ekosistem sedia ada.

Adakah kita akan kembali kepada Lembaga Padi Beras Negara? Itu belum pasti kerana sistem baru mungkin lebih baik. Tapi kita akan libat urus dengan semua pihak juga. Kita akan cari model terbaik dan tidak terhad kepada satu model sahaja.

Kita adakan banyak dialog dengan Padi Rescue, termasuk agensi-agensi lain yang terlibat termasuk pemaham industri. Walau bagaimanapun kita juga akan tunggu cadangan dari perunding selepas kajian mendalam dibuat.

SK: Adakah ini melibatkan enam Kementerian seperti diumumkan kerajaan sebelum ini?

Sim: Itu pasukan petugas (task force) untuk pecahkan monopoli, tidak terhad kepada pertanian. Di Kementerian-

an Pertanian, kita lihat khusus kepada Bernas. Ada juga syarikat monopoli lain seperti MyEG, Puspakom dan lain-lain yang akan dilihat kementerian berkaitan sebelum dibawa ke jawatankuasa di peringkat Kabinet.

SK: Apa langkah Kementerian pastikan negara ada stok penimbal (stockpile) beras mencukupi, dan kurangkan import?

Sim: Kita perlu stok penimbal kalau ada peperangan atau kekurangan bekalan beras dalam negara. Ketika ini kapasiti stok penimbal beras sebanyak 150,000 tan metrik pada satu-satu masa yang mampu tampung keperluan domestik selama tiga bulan, ditempatkan di 25 lokasi seluruh negara, diuruskan Bernas bawah perjanjian konsesi dengan pemantauan kementerian.

Jika tiada situasi perang, tempoh tiga bulan memadai kerana jika lebih lama, padi akan rosak selain perlukan tempat simpan, kawasan luas, penyelenggaraan dan sebagainya. Pada masa sama kita masih boleh dapatkan dari peruncit dan sebagainya jika ada keperluan.

Untuk kurangkan import pula, pada masa ini Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran beras negara sekitar 71.6 peratus, bermakna kita import dalam 30 peratus.

Kalau nak kurangkan lagi import, perlu tanam lebih padi, perlu lebih tanah dan pelaburan berbilion ringgit untuk buat tali air, parit, bersihkan hutan, ratakan tanah, rawat tanah dan sebagainya.

Buat masa ini kita tumpu meningkatkan produktiviti dengan tanah sedia ada, praktik pertanian yang baik, benih yang baik, cara urus air yang baik, sebab untuk tanam padi, penguasaan air sangat penting jadi kita tum-

“ Pada pendapat saya pertanian adalah industri yang 'cool'. Terdapat banyak peluang anak muda menceburi pertanian dengan teknologi. ”

pu selesaikan isu teknikal.

SK: Seperti diucapkan PM mahu tingkat pengeluaran padi kepada 8 tan sehektar?

Sim: Sekarang 4 tan, kita cuba tingkatkan kepada 7-8 tan. Ia boleh dilakukan dengan menumpukan kepada kaedah petani. Mereka perlu tukar cara lama kerana sekarang mereka tabur sahaja, ia tidak tumbuh sekata. Kalau guna transplanter (alat ubah anak benih), ia akan lebih padat dan tersusun.

Kalau kita lihat negara maju, padi mereka tersusun kerana guna transplanter. Tapi untuk tukar kaedah baru, ubah cara pemikiran

lebih susah. Keadaan tanah juga tidak sesuai. Di Malaysia, kalau transplanter masuk bendang, tanah terlalu lembut ia akan tersangkut. Jadi kaedah ini kita perlu teliti.

SK: Pertanian sering dikaitkan dengan kawasan luar bandar/kampung. Apa perancangan galakkan penduduk bandar bercucuk tanam hasilkan makanan sendiri?

Sim: Program Pertanian Bandar ('urban farming') sudah dilaksanakan di sekolah, taman perumahan, dan institusi. Kita galakkan kerana mahu anak-anak menghargai makanan. Secara tidak langsung mereka akan lebih mencintai alam sekitar. Tanam makanan sendiri dapat mengurangkan kos sara hidup, tidak perlu bergantung kepada pasar, juga dapat kualiti bagus.

Melalui Jabatan Pertanian, program ini diadakan di seluruh negara selain melibatkan kerjasama dengan agensi lain seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan (Program Celik Nutrisi), Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (Program Mendaya Komuniti di PPR), Jabatan Kemajuan Masyarakat, KEMAS (Program Botani Desa, dan Program Pintar Botani).

SK: Bagaimana jadikan pertanian diminati anak muda sebagai kerjaya yang 'cool', mampu tawar pendapatan lumayan?

Sim: Anak muda suka sesuatu yang melibatkan

teknologi. Pertanian selalu dilihat sebagai kerja 3D (bahaya, kotor, susah) dan hanya untuk orang yang tidak dapat masuk ke universiti.

Pada pendapat saya pertanian adalah industri yang 'cool'. Terdapat banyak peluang anak muda menceburi pertanian dengan teknologi. Ada seorang pengusaha muda Melayu yang menyediakan kaedah dron untuk petani dan pesawah. Contoh lain, sekarang ada Plant Factory (klang tanaman) di mana MARDI melatih kira-kira 10 petani baru.


Plant Factory ini macam kejuruteraan, yang memerlukan pengetahuan tentang LED Lighting dan melibatkan eksperimen. Kaedah ini langsung tidak kotor, kerana dibuat di bilik dan tubuh perlu bersih sebelum masuk.

Mereka buat penyelidikan baja bio (bio fertilizer), dapat hasilkan baja yang lebih baik serta mesra alam. Ada yang ternak ikan dengan teknologi kakukan ikan. Ada seorang pegawai bank kini terlibat dalam perusahaan tenuous. Ada juga peguam dan jurutera yang sepuluh tahun bekerja kini beralih kepada pertanian dan agro pelancongan.

Mereka jual produk dalam talian guna Facebook, semua dilakukan anak muda. Ini satu budaya yang 'cool' yang boleh menarik orang muda dan 'second generation farmers' (petani generasi kedua).

Kerana kebiasaannya generasi kedua akan sambung pelajaran dan berhijrah ke bandar. Teknologi dapat buka ruang untuk mereka sedar kaedah petani moden. Masa depan dalam bidang ini ada kerana semua orang perlukan makanan.

Ini dapat membawa makanan yang berkualiti dan berkhasiat. Cara lama berkebun akan digantikan dengan cara baru sedikit demi sedikit. Kini ramai petani adalah jutawan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	KEADILAN	WAWANCARA	9

Pertanian malam bukan idea 'gila'

PERDANA Menteri sebelum ini mencadangkan penanaman padi dilakukan pada waktu malam. Melihat cadangan ini bukan satu idea 'gila', Sim wala bagaimanapun menyatakan buat masa ini tanaman padi masih tiada kelebihan dilaksanakan pada waktu malam kerana kosnya besar.

Namun jelasnya, bagi sayuran, tanaman waktu malam malah sepanjang masa adalah langkah ke hadapan dalam pertanian. Lewat kilang tanaman ('plant factory'), sayur-sayuran ditanam dalam bilik di bawah pencahayaan LED, dilengkapi sistem penghawa dingin, kawalan suhu bilik, mampu beroperasi 24 jam.

Tanpa meluaskan kawasan, aplikasi teknologi tanaman

bertingkat dilaksana di tapak sedia ada, dapat meningkatkan pengeluaran per unit kawasan sehingga 5 kali ganda. Manakala teknologi pencahayaan LED (indoor farming) mampu menggandakan pengeluaran 8-10 kali, dengan kualiti dan pertumbuhan lebih baik dan cepat.

"Di negara maju, saya pernah lihat bilik sayur dimainkan alat muzik selain ada air beroksigen, lampu, kelembapan dan nutrien. Walaupun agak tidak masuk akal tapi inilah pertanian moden," katanya.

Tambahnya, kaedah ini lebih mesra alam sekitar kerana racun serangga tidak diperlukan memandangkan tiada serangga dalam bilik hijau tersebut, maka semuanya organik dan segar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	KEADILAN	WAWANCARA	9

Elak ditindas orang tengah

DITANYA langkah kerajaan menjaga kebajikan petani daripada ditindas orang tengah, Sim melihat petani perlu diupayakan. Ini kerana jelasnya, petani tiada kemahiran memasarkan produk selepas proses mengeluarkan hasil.

"Orang tengah selalu dikatakan menindas. Tapi ada yang bagus, betul-betul bantu memasarkan barangan petani. Pada masa ini, petani perlu fikir pasarkan sendiri barangan mereka," jelasnya.

Teknologi maklumat boleh dimanfaatkan, umpamanya kata Sim, sudah ada gaya pemasaran dalam talian seperti mangga harum manis yang dapat dijual terus kepada pembeli. Malah, ada nelayan menjual ikan menggunakan platform Facebook Live, katanya.

Pemasaran digital, tambah Sim, mempunyai banyak



PORTAL Agrobazaar Online membolehkan pengguna mendapatkan produk segar dan produk industri asas tani lain.

platform seperti portal di bawah kementerian, Agrobazaar Online yang membolehkan pengguna mendapatkan produk industri asas tani serta produk segar lain.

FAMA turut membantu petani menjual hasil dengan

menyediakan ruang pemasaran di pelbagai lokasi, selain Program Pertanian Kontrak di mana FAMA membeli dan menjamin pasaran hasil tanaman mengikut syarat tertentu, sekaligus mengelak penglibatan orang tengah.

Tanaman kontan atas tanah sawah

Cadangan PM tingkat pendapatan petani baik, tapi...

Oleh RIDZUAN ANWAR

BARU-BARU ini Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad mencadangkan penanaman tanaman kontan sebagai usaha meningkatkan hasil pendapatan pesawah padi. Menurutny, ia antara langkah menangani isu kemiskinan pesawah yang selama ini hanya bergantung kepada subsidi kerajaan.

Melalui kaedah ini, pesawah diperuntukkan sebahagian daripada tanah sawah mereka untuk aktiviti tanaman kontan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan bagi menjana pendapatan.

"Selama yang kita tahu, penanam padi adalah golongan miskin dan bergantung kepada subsidi kerajaan. Kita kenal pasti beberapa perkara yang menyebabkan mereka terus berada dalam garis kemiskinan."

"Pertama, mereka mempunyai Holding (kawasan tanah sawah) terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan baik dan kedua, mereka tidak cekap. Di atas tanah satu ekar (0.4 hektar) boleh keluar (hasil) lapan tan, tapi mereka keluar cuma empat tan," katanya pada sidang media di Putrajaya minggu lalu.

Katanya, kerajaan mahu pesawah menghasilkan pengeluaran lebih banyak bagi setiap hektar, pada masa sama menangani masalah kemiskinan.

Ramai pesawah tak mampu

Mengakui kebalkan cadangan tersebut, Pengerusi Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras (Padi Rescue), Fitri Amir walau bagaimanapun melihat ia hanya boleh dilaksanakan jika kerajaan menyediakan insentif atau dana kepada pesawah.

Fitri berkata, kebanyakan pesawah tidak mampu melaksanakan cadangan itu kerana ia memerlukan kos besar selain mengharap kerajaan memberi kemudahan pinjaman modal untuk sewaan tanah. "Kami (pesawah), sudah ada yang melakukannya terutama mereka yang memiliki tanah yang luas."

"Mereka yang berkemampuan boleh tanam tanaman sampingan seperti ubi kele-

dek di tanah sawah dengan modal sendiri tanpa ditaja mana-mana pihak," katanya ketika dihubungi Suara Keadilan.

Selain itu, jelasnya, kebimbangan yang wujud adalah jika pesawah hilang tumpuan terhadap tanaman utamanya dengan penanaman tanaman kontan, sekali-gus bakal mengurangkan pengeluaran hasil padi, menyebabkan berlaku situasi 'yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran'.

Oleh itu, beliau menyarankan kerajaan memberi tumpuan kepada tanaman padi sahaja supaya pengeluarannya mampu mencapai 8 tan per hektar seperti yang dinyatakan perdana menteri sendiri.

Namun demikian, melihat kepada penerimaan positif pesawah terhadap idea ini, Fitri berharap kerajaan menyediakan kelas bimbingan kepada pesawah supaya mereka mampu menguruskan usaha tersebut dengan baik.

Bellau memberi contoh usaha dilakukan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dalam memberi tunjuk ajar kepada penoreh getah untuk melaksanakan tanaman cendawan di kebun getah mereka sebagai pendapatan tambahan.

Punya kebimbangan serupa, Exco Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodalan Pertanian dan Industri Asas Tani, Selangor, Ir Izham Hashim berkata sistem sawah padi yang rumit menyukarkan usaha menanam tanaman kontan di atas tanah yang sama.

Bimbang saiz sawah mengecil

Jelasnya kepada Suara Keadilan, sistem petak sawah akan menyebabkan air bertakung apabila hujan, oleh itu penanaman tanaman kontan bakal menelan kos tinggi kerana ia menggunakan kaedah penanaman yang berbeza.

"Kebimbangan saya ialah kita akan semakin mengurangkan keluasan kawasan sawah padi."

"Sebenarnya kalau ikut SOP kaedah tanaman yang betul, padi boleh menghasilkan pendapatan lumayan," jelas beliau. Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN)

Pandan Indah ini berpandangan rakyat di negara ini khususnya golongan pesawah masih belum bersedia untuk bertukar-tukar tanaman dari padi ke kontan dan sebaliknya.

Malah, golongan petani yang kebanyakannya warga tua bakal memberikan cabaran kepada kerajaan dalam usaha meyakinkan mereka bahawa tanaman kontan itu mampu memberi pulangan yang lumayan.

Mengulas lanjut, Izham menegaskan kaedah dan pengurusan tanaman padi yang betul perlu dikaji pesawah untuk mengelakkan hasil merosot.

Antaranya, beliau mencadangkan skim rawatan tanah dan benih yang baik diperkenalkan kepada pesawah untuk meningkatkan kembali hasil pendapatan mereka seperti yang dilaksanakan di Sabak Bernam.

Jelas Izham, skim rawatan tanah itu melibatkan tanah seluas 60 hektar daripada 19 ribu hektar keseluruhan keluasan sawah di Barat Laut yang menjadikan kawasan Sabak Bernam dipilih sebagai kawasan percubaan untuk proses ini.

Tanah tak dirawat

Izham tidak menolak kemungkinan kemerosotan hasil pendapatan adalah disebabkan tanah tidak dirawat dengan baik kerana pesawah tidak mahu mengeluarkan kos penyelenggaraan.

Sementara itu, Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan, Perak, Abdul Yunus Jamhari menyokong usaha kerajaan dalam mempergiatkan aktiviti tanam kontan sebagai langkah menjana hasil pendapatan di kalangan petani.

Yunus berkata, langkah ini membantu pesawah mendapatkan pendapatan sampingan, dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti satu tanaman sahaja.

"Di Perak sendiri memang sudah ada yang amalkan penanaman tanaman kontan seperti tembikai, timun, cili, tomatu sebagainya. Cuma kalau nak galakkan mereka, (kita) perlu melibatkan pelbagai agensi kerajaan."

"Sebagai contoh, FAMA akan bantu memasarkan tanaman yang diusahakan itu supaya (dapat) menjana sumber mereka," katanya kepada Suara Keadilan.

Bellau berkata, kerajaan negeri juga perlu mengkaji dan mengenal pasti kawasan dan tanah-tanah kerajaan kosong serta terbiar untuk ditawarkan kepada pesawah yang berminat untuk aktiviti itu.

Mengulas lanjut, beliau tidak melihat pesawah menghadapi masalah mengusahakan tanaman kontan sekiranya kerjasama dengan agensi terlibat dapat digemilang seterusnya membolehkan pesawah memperoleh pulangan setimpal.

Yunus berkata, kerajaan negeri akan melihat prospek tanaman yang sesuai diusahakan di negeri tersebut.



FITRI AMIR



IZHAM HASHIM



YUNUS JAMHARI

Tanah setiap negeri berbeza

PESAWAH dari Bukit Rambai, Melaka, Hamdan Nekmat (gambar), 53, bersetuju dengan saranan PM dengan syarat ia dilakukan secara berperingkat.

Bellau melihat jenis tanah yang bersejukan amat penting untuk menghasilkan sayur-sayuran atau buah-buahan yang mampu menjana sumber tambahan bagi pesawah seperti itu.

"Situasi penanaman sawah padi di Melaka berbeza berbanding negeri lain sebab kita tanam setahun sekali sahaja."

"Kalau di Kedah, mereka mempunyai sistem tanaman lebih sistematik. Sebab itu mereka berjaya hasilkan pendapatan tambahan," katanya ketika dihubungi.



Hamdan menjelaskan, sebelum ini sudah wujud aktiviti tanaman kontan seperti buah Mangga Delight yang cukup popular di Melaka. Namun, ia kurang diberi perhatian kerana mangga merupakan tanaman bermusim dan petani tidak dapat menjangka hasil yang bakal diperolehi.

Oleh yang demikian, pesawah memberi tumpuan semula kepada tanaman padi kerana ia mampu menghasilkan pendapatan yang lebih stabil.

Tegas Hamdan, sistem tanaman dan permukaan tanah berbeza di setiap negeri menyebabkan aktiviti berkenaan tidak dapat dilakukan di semua kawasan kerana tidak mampu memberi pulangan baik selain pembaziran kos.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	SINAR HARIAN	SINAR ISLAM	39

FAMA tubuh unit halal bantu usahawan

KUALA LUMPUR - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk menubuhkan satu unit halal di FAMA bagi memudahkan usahawan memperolehi sijil halal dalam memperluaskan pemasaran pertanian mereka.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, kaedah itu dapat membantu menyelesaikan masalah dan kekangan yang dihadapi usahawan terutama usahawan muda bagi mendapatkan sijil halal kerana mungkin mereka tidak tahu cara memohon sijil tersebut.

"Perbincangan telah dibuat dengan menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk hal ehwal agama Islam iaitu Datuk Dr Mujahid Yusof dan bahagian halal Jakim.

"Mereka bersetuju melantik pegawai FAMA untuk menubuhkan unit ini," katanya pada Majlis Ramah Mesra Adifiltri Bersama FAMA di sini semalam.

Ishak berkata, mesyuarat akan diadakan dalam tempoh masa tiga bulan bagi perbincangan dan penyediaan pegawai FAMA supaya unit halal itu dapat dilancarkan dalam tempoh berkenaan.

Beliau berharap, 80 peratus atau 50,000 usahawan FAMA menerima manfaat melalui kaedah berkenaan, selain menyampaikan kepada pengguna produk segar, berkualiti dan suci.

Baru-baru ini, FAMA telah memperkenalkan 'Go Pasar Tani' dan 'Agrobazaar Online' sebagai inisiatif berasaskan digital bagi membantu usahawan serta pengguna dalam bekalan makanan.

Kaedah itu ditingkatkan lagi dengan teknologi 'block chain' bagi menjejak dan mengesan produk jika didapati terdapat masalah.

Ishak berkata, satu aplikasi 'Tani Ekspres' akan diperkenalkan melalui Agrobazaar online sebagai peluang usahawan warga muda berkerjasama dengan FAMA dalam meningkatkan pemasaran produk mereka. - *Bernama*

Headline	'MALAYSIA FREE FROM AFRICAN SWINE FEVER'		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	26 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	8	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	811 cm ²
Journalist	Nor Ain Mohamed Radhi	AdValue	RM 27,849
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,547

NO SIGNS OF VIRUS

'MALAYSIA FREE FROM AFRICAN SWINE FEVER'

Surveillance being carried out at pig farms, but no cases detected, says DVS

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Department of Veterinary Services (DVS) has assured that Malaysia is free from African Swine Fever (ASF), a disease that infects pigs and wild boars.

Its director-general, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, said clinical surveillance conducted at commercial pig farms in eight states had found no signs of ASF.

"Samplings conducted together with the Wildlife and National Parks Department (Perhilitan) on 46 wild boars in seven states in the peninsula also found no signs of the ASF virus," he said in a statement.

ASF is a large, double-stranded DNA virus in the *Asfarviridae* family.

The virus causes haemorrhagic fever with high mortality rates in pigs, and can lead to death as quickly as a week upon infection.

Dr Quaza said the Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) had conducted random checks on 180 pork meat supplies imported into the country through West Port, Port of Pasir Gudang and Bukit Kayu Hitam from countries that were affected by the virus since Nov 12 last year.

"Checks were also conducted on pork products that were brought in by passengers from countries with a high risk for ASF at KLIA, Klia2, Penang, Johor Baru, Kuching and Kota Kinabalu.

"So far, none of the samples had traces of ASE."

Dr Quaza said DVS had imposed a ban on imports of pork and pork products from China, Poland, Belgium, Thailand, Vietnam and Cambodia as a precautionary measure.

He said the department had conducted awareness campaigns for pig farm owners and operators at all eight states to improve the farms' biosecurity.



Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin (left) and Department of Veterinary Services director-general Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam at a pig farm in Kampung Valdor, Batu Kawan, Penang, on Monday. BERHARAP

"A simulation of the ASF outbreak was conducted on Feb 22 to check the level of preparedness in case the ASF epidemic is detected in the country, as well as a contingency plan for the outbreak."

The simulation involved the ministry, state veterinary departments, Maqis, Malaysian Airport Holdings Bhd, Transport Ministry and Perhilitan.

On Monday, the Agriculture and Agro-based Industry Ministry had warned all pig farm owners in the country to report immediately any disease or death of their swine population to the authorities, amid concerns of the outbreak in six Asian countries, namely China, Mongolia, Vietnam, Cambodia, North Korea and Laos.

Its deputy minister, Sim Tze Tzin, said the outbreak was considered "a clear and present danger" to the country.

He said owners should not attempt to remove the animals themselves without permission from DVS.

Malaysia has more than 600 pig farms nationwide, including

Sabah and Sarawak, with a swine population of 1.5 million.

The state with the most pig farms is Perak, followed by Penang, Johor and Melaka.

Meanwhile, Laos has reported its first outbreak of ASF, which happened in its southern province of Salavan, reported Vietnam News Agency, quoting the country's Agriculture and Forestry Ministry.

Bernama reported that the Southeast Asian nation detected the outbreak in seven villages in the province's Tumlan district, which led to the death of at least 900 pigs.


To prevent the disease from spreading, Lao authorities have taken measures, such as establishing temporary animal quarantine stations to check the transportation of pigs and their products from infected areas, and spraying chemicals.

Locals have been advised to join hands in stamping out the disease.

ASF does not spread to humans or poultry although it can kill pigs quickly. To date, there is no vaccine available.

WHAT IS AFRICAN SWINE FEVER?

A highly contagious haemorrhagic disease of pigs, warthogs, European wild boar and American wild pigs. All age groups are equally susceptible.




HOW DOES ASF SPREAD?

■ The warthog can serve as a natural reservoir of the virus without any sign of the disease. Spread from this reservoir is via the soft tick *Ornithodoros moubata*. The tick will ingest the virus when taking a blood meal and then pass it on when feeding on susceptible animals.

■ The virus is found in all bodily fluids and tissues of infected domestic pigs. Pigs usually become infected by direct contact with infected ones or by ingestion of rubbish containing unprocessed infected pig meat or pig meat products.

■ Biting flies and ticks, contaminated premises, vehicles, equipment or clothing can also spread the virus to susceptible animals.



WHAT ARE THE SYMPTOMS OF ASF?

Loss of appetite, high temperature, haemorrhages in the skin and internal organs, diarrhoea, depression, vomiting and difficulty with breathing and standing.

IS ASF A PUBLIC HEALTH THREAT?

ASF is not a risk to human health, non-swine pets or other livestock. It is a viral disease impacting only pigs.

PREVENTION AND CONTROL MEASURES?

Prevention in countries free of the disease depends on stringent import policies, ensuring that neither infected live pigs nor pork products are introduced into areas free of ASF. This includes ensuring proper disposal of waste food from aircraft, ships or vehicles coming from infected countries. In endemic areas, it is difficult to eliminate the natural reservoir in warthogs; however, control of the soft tick vectors is important in preventing the disease. It is also important to ensure that meat from warthogs or infected animals is not fed to susceptible pigs.

All successful eradication programmes involve the rapid diagnosis, slaughter and disposal of all animals on infected premises, thorough cleaning and disinfection, movement controls and surveillance.



Headline	Afif : Reduction volume of fish catch not entirely cause by sea reclamation project		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	26 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	205 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,298
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,895



阿菲夫:鱼获减少问题 非100%填海引起

(檳城25日讯) 檳州农业及农基工业委员会主席阿菲夫指出, 檳州渔民提出的鱼获减少问题, 并非100%是由填海计划引起。他认为, 最应该受到关注的是海洋生态的保护。

他说, 鱼获减少也包括其它因素, 其中过度捕捞, 对环境造成破坏。

他促请檳州渔民可以朝向其他新的渔业领域, 以寻求新的经济来源, 增加收入。

他重申, 檳州政府非常注重檳州渔业发展, 包括其他下游工业, 除了养殖业之外, 还包括深海捕

鱼, 尤其是捕捉金枪鱼。

他透露, 去年在檳城港口上岸的金枪鱼高达1200公吨, 价值超过10亿令吉, 是檳州渔民不可忽略的领域。

他说, 自2016年开始, 每月有一股渔船运送来介于80至100吨的金枪鱼在檳城港口上岸, 因为檳城码头符合印度洋鲑类委员会(IOTC)标准, 以及具备国际认证, 不止是大马渔船, 外国渔船也获批上岸。

他是于周二出席檳州渔业局开斋节餐会移交檳州渔民援助金予渔民后, 如是指出。



右为檳州渔业局局长诺拉斯雅指出, 檳州2018年鱼产量高达2120万公吨, 价值达12亿2572万令吉, 捕鱼业鱼获为54万6900公吨, 价值5亿2200万令吉, 养殖鱼鱼获高达2117万公吨, 价值7亿220万令吉。

他指出, 今天受惠的包括5位养殖鱼业者获批供12万3085令吉, 另外5名养殖业者、2名育苗培植业者以及1家养虾业者获得供17万364令吉援助金。

他说, 檳州渔民目前有超过5000人, 渔民代表与2周前与他和檳州政府部长雷观友会谈以及提出诉求和对檳岛填海计划对渔民鱼获影响提出建议。

她透露, 由于我国鱼获出口到国外, 促请渔业业者申请良好农业规范认证(MyGap)以及渔船卫生认证。

她透露, 由于我国鱼获出口到国外, 促请渔业业者申请良好农业规范认证(MyGap)以及渔船卫生认证。

他相信这是季节性, 而檳州的蚶供应是来自柔佛、以及安曼岛养殖场供应之外, 以及相信也来自其他地区。

他说, 目前檳州有养殖业者积极参与养殖蚶, 一年前在浮罗山背海域释放100万蚶苗。他说, 吉打瓜拉吉打海口目前的蚶养殖业非常成功, 每只蚶批发价6令吉, 檳州渔民应该朝这方面发展。

供需影响蚶价格

国内蚶供应短缺, 炒果条业者投诉每斤蚶售价从2令吉暴涨到12令吉, 仍然买不到蚶。

针对这项问题, 阿菲夫强调, 蚶的价格如榴槿般都是非价格控制食品, 价格视供需影响。

Over-fishing, pollution contributing to marine resource depletion

■ BY IAN MCINTYRE
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: Apart from land reclamation, factors such as over-fishing and pollution also contribute to the depletion of marine resources in Malaysia.

Penang state executive councillor in charge of agriculture, Dr Afif Bahardin, said a rising population has led to a higher demand for seafood, and that has led to over-fishing to meet demand.

"Putting the blame on reclamation projects alone is a one-sided portrayal of the issue. Such projects have become a convenient scapegoat," he said.

Afif was commenting on the recent emergence on social media of a documentary depicting an acute shortage of fish in the Tanjung Tokong fishing enclave.

The producers of the documentary stated

that land reclamation along the Tanjung Sri Pinang shoreline to Gurney Drive were to blame for the situation.

"We cannot lay all the blame on reclamation," Afif said after attending the Fisheries Department Hari Raya open house.

"Even before the reclamation works started (three years ago), seafood resources were already depleting," he added.

Afif said the eco-system in the area has also been compromised.

He said the contractors responsible for ongoing and proposed reclamation projects off Bayan Lepas have had discussions with fishermen in the area on the matter.

"The Penang Fishermen Association, which has about 5,000 members, are more concerned about sustainability and conservation practices than the reclamation project."

On another matter, Afif said Penang will ask the federal government to revive a project on



Filepic of fishermen hauling in their nets near the Penang Bridge. -

MASRY CHE
ANI/THE SUN

the island for the landing of tuna fish. The project hit a wall after the construction of a port in Batu Maung stalled over technical issues.

With the Penang Port being certified by the Indian Ocean Tuna Commission as a zone for

the landing of big fish, there is room to grow the tuna fishing industry, Afif said, adding that there was potential for job creation.

Last year, the state recorded the landing of 1,200 tonnes of tuna, the highest ever.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	SINAR HARIAN	SABAK BERNAM	34

Tarik nelayan miliki kemahiran skuba

SABAK BERNAM - Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam ingin menarik lebih ramai nelayan di daerah ini mempunyai kemahiran skuba.

Ketua Daerah Perikanan Sabak Bernam, Suhaidi Mat Saleh berkata, kemahiran itu penting bagi meningkatkan kemahiran selaman skuba dalam kalangan nelayan.

“Dengan kemahiran yang ada, khidmat mereka boleh dipanggil jika berlaku kes kecemasan di laut,” katanya.

Seramai tiga nelayan di daerah menjadi perintis pertama MyKomuniti Perikanan (MyKP) bagi kemahiran menyelam skuba.

Tiga nelayan itu adalah dari MyKp Bagan Nakhoda Omar iaitu Mohd Fadli Rusni, 40, Mohd Saiful Amri, 32, dan Khairi Azhar Harun, 32.

Suhaidi berkata, ketiga-tiga nelayan itu menerima bantuan *Touch Point* berupa peralatan lengkap selam skuba.

Beliau berkata, bantuan itu disampaikan Ketua Cawangan Pengembangan



Thanaletchumy (kiri) menyerahkan peralatan selam skuba kepada tiga ahli MyKP sambil diperhatikan oleh Suhaidi (dua dari kiri) di Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam.

dan Pemandahan Teknologi, Pejabat Perikanan Negeri Selangor, C Thanaletchumy.

“Mereka memperoleh lesen selam skuba (Open Water) daripada agensi Scuba Diving International (SDI) anjuran Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu

pada Ogos 2018.

“Ketiga-tiga nelayan ini akan dibimbing dan diberikan latihan lanjutan bagi meningkatkan kemahiran selam skuba masing-masing,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/6/2019	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

MUSIM durian datang lagi! Bagi penggemar, inilah saat-saat yang dinantikan. Keenakan rasa dan keharuman bau raja buah itu terus didambakan.

Durian musang king, kunyit, D24 dan XO adalah antara pilihan popular menyimpan pelbagai nutrisi baik untuk kesihatan malah dikatakan baik untuk kecantikan kulit.

Malah, durian juga bakal menjadi sumber kekayaan baharu negara apabila Kementerian Pertanian dan Industri Asas

Tani dijangka mengeksport 1,000 tan durian sejuk beku jenis musang king dan black thorn ke China setiap bulan dengan nilai kepada eksport negara kira-kira RM500 juta setahun.

Laporan itu pastinya menggembirakan pekebun durian. Kalau kena pada cara dan gaya, tidak mustahil lebih ramai pekebun durian bakal bergelar OKB (orang kaya baharu). Tetapi, bagi penggemar durian ia tidak mengubah apa-apa. Kalau mengidam tetap kena beli walaupun harga durian tidak

meneru. Ada masa mahal ada ketikanya murah.

Baru-baru ini, Merak Jalanan ada terbacu mengenai cadangan meminta orang ramai memboikot penjualan durian timbang. Sebabnya, ia menguntungkan orang tengah yang membeli durian dengan harga rendah daripada pekebun tetapi menjualnya pada harga tinggi. Mereka mahu 'kaya cepat' hingga membebankan pengguna.

Bagi Merak Jalanan, kuasa memboikot atau meneruskan pembelian tertetap pada

Boikot durian timbang untuk ajar penjual licik

diri kita. Cadangan itu mungkin relevan dan mungkin juga perlu penilaian semula. Ini kerana harga durian bergantung kepada penawaran dan permintaan.

Harga akan meningkat kerana kurang bekalan pada awal musim tetapi pesta harga runtuh bermula bila bertaku lambakan bekalan. Tindakan boikot boleh dibuat jika penjual licik menipu menerusi taktik ubah suai alat penimbang.

Bukan payah pun untuk jadi pembeli yang bijak